

SOALAN NO. 13

- (a) apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menjamin kesejahteraan penduduk selepas insiden lif terhempas di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi awal Ogos lalu; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan dengan meletakkan penyelenggaraan PPR di bawahnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil berat akan kesejahteraan penduduk sama ada yang menghuni di perumahan berstrata kos rendah swasta ataupun awam.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjamin kesejahteraan penduduk yang tinggal di perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah awam dan swasta terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan lif adalah dengan memperkenalkan program penyelenggaraan perumahan melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) (bagi perumahan awam) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) (bagi perumahan swasta).
3. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif secara *one-off* dalam membantu penghuni-penghuni perumahan yang terlibat bagi membaik pulih dan menyenggara bangunan dan harta bersama. Antara skop kerja pembaikan yang terlibat adalah seperti mengganti bumbung, tangki air dan pendawaian elektrik termasuklah mengganti lif yang rosak.
4. Pada tahun 2020, peruntukan untuk program penyelenggaraan perumahan di bawah PPP dan TPPM adalah sebanyak RM100 juta sebagaimana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2020. Peruntukan ini termasuklah untuk kerja-kerja penyelenggaraan lif di perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta.

5. Untuk makluman Yang Berhormat jua, selain daripada inisiatif berbentuk fizikal, Kerajaan juga telah menggubal Dasar Komuniti Negara yang bertujuan untuk menangani isu perumahan di peringkat komuniti setempat, khususnya di kawasan perumahan berstrata kos rendah di seluruh negara.
6. Objektif utama Dasar Komuniti Negara adalah untuk mendaya upayakan (*empowering*) komuniti setempat supaya mereka boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta awam dan harta bersama yang merupakan sebahagian daripada tempat tinggal mereka. Ini adalah selaras dengan Kluster 1 Dasar Komuniti Negara iaitu Infrastruktur dan Penyelenggaraan di mana di bawah Strategi 1.2, Kerajaan ingin mempergiat penglibatan komuniti dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama.
7. Justeru, memandangkan program-program penyelenggaraan yang disediakan adalah secara *one-off*, Kementerian menyarankan agar penduduk bersama-sama pihak pengurusan sama ada pengurus harta yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) / badan pengurusan bersama (JMB) / perbadanan pengurusan (MC) menjaga dan menyelenggara kawasan pemajuan masing-masing. Sebagai contoh, penduduk hendaklah membayar sewa atau caj penyelenggaraan kepada pihak pengurusan bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan baik.

Jawapan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui KPKT juga telah bercadang untuk menubuhkan sebuah perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan dengan meletakkan penyelenggaraan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawahnya. Perbadanan yang akan ditubuhkan kelak akan dikenali sebagai Perbadanan Pengurusan Perumahan Negara (3P). Penubuhan 3P sebagai satu agensi di bawah Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan untuk melaksana, mengurus dan menyelenggara perumahan awam dan swasta kos rendah dan kos sederhana.
2. Fungsi 3P adalah melaksanakan urusan operasi PPR di seluruh negara meliputi aspek-aspek seperti berikut:
 - (i) pengisian dan pengurusan perumahan awam (sewaan/penjualan/sewa untuk dimiliki secara pajakan);
 - (ii) pengurusan kutipan sewa;
 - (iii) penyelenggaraan bangunan dan kemudahan bersama perumahan;
 - (iv) pemantauan dan penguatkuasaan yang merangkumi kutipan sewa/bayaran balik dan pematuhan kepada peraturan;
 - (v) menyelaraskan aktiviti yang berkaitan kesejahteraan komuniti di perumahan; dan
 - (vi) memberi cadangan untuk pembangunan semula perumahan.

3. Sehubungan itu, penubuhan 3P akan dilaksanakan setelah Akta 3P dibentangkan dan mendapat persetujuan di peringkat Jemaah Menteri dan Parlimen. Penubuhan 3P merupakan salah satu pelan tindakan di bawah Dasar Perumahan Negara (2018-2025) iaitu; Fokus 3 Memastikan Kejiranan yang berkualiti dan kohesif, Strategi 3.1 menyediakan dan mengekalkan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti di kawasan kejiranan untuk menyokong kehidupan masyarakat.
4. Akhir sekali, peranan semua pihak amat diperlukan bagi memastikan setiap komuniti perumahan yang tinggal di perumahan strata dapat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan kondusif bagi mengelakkan insiden lif terhempas berulang.

Sekian, terima kasih.